

Britain panggil Pesuruhjaya Tinggi Malaysia

UM 198 OCT 2003

LONDON 17 Okt. — Britain hari ini memanggil Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, Datuk Abdul Aziz Mohammed bagi melahirkan kebimbangan mengenai kenyataan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung Yahudi memerintah dunia, kata Jabatan Luar Britain hari ini.

Jabatan itu berkata, Abdul Aziz telah dipanggil untuk bertemu dengan Menteri Negara, Mike O'Brien pagi ini bagi menyatakan kebimbangan mereka secara langsung berhubung ucapan Dr. Mahathir pada majlis pembukaan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) semalam.

Sementara itu, Australia hari ini menyertai pelbagai pihak di seluruh dunia membidas kenyataan Dr. Mahathir.

Perdana Menteri, John Howard menyifatkan kenyataan Dr. Mahathir itu sebagai satu penghinaan.

“Sebarang kenyataan oleh sesiapa sahaja yang membeza-bezakan dunia kumpulan Yahudi dan bukan Yahudi adalah salah,” katanya dalam satu temu bual di radio tempatan. — Agensi